

04 APR 2001

Mahathir - Budi (Bergambar)

PELAJAR BERJAYA KERANA BUDI MASYARAKAT

PUTRAJAYA, 4 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pelajar supaya sentiasa menginsafi hakikat bahawa mereka terhutang budi kepada masyarakat yang menyediakan kemudahan selesa untuk mereka belajar sehingga mampu mencapai kejayaan cemerlang.

Perdana Menteri berkata pelajar yang cemerlang dan berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading sama ada di dalam atau di luar negara, perlu ingat bahawa kejayaan mereka itu sebenarnya diizinkan oleh masyarakat.

Setiap anggota masyarakat telah bekerjasama sehingga wujudnya keamanan yang membolehkan negara maju dan dapat menyediakan kemudahan dan peluang untuk mereka belajar, katanya.

"Sebab itu kita harus selalu mengingati hutang budi kita kepada masyarakat," katanya ketika menyampaikan amanat kepada pelajar paling cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lepas yang diraikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini hari ini.

Dr Mahathir merupakan tetamu kehormat pada jamuan tengah hari itu yang diadakan di sini yang turut dihadiri oleh menteri dan timbalan menteri.

Perdana Menteri berkata pelajar yang mengenang budi akan berusaha memberikan yang terbaik bagi membolehkan generasi akan datang menikmati kemudahan dan peluang yang membolehkan mereka berjaya.

"Kalau kita berpelajaran tinggi, mempunyai otak geliga tetapi kita cuma mengutamakan diri kita sahaja maka ini akan merugikan masyarakat dan akhirnya merugikan kita juga," katanya.

Dr Mahathir berkata ilmu pengetahuan yang tinggi mestilah diiringi peribadi yang teguh dan mulia, yang tahu menilai dan menghargai sesuatu, merendah diri dan terhutang budi kepada masyarakat.

"Kita perlu berasa bertanggungjawab kepada masyarakat, kita perlu ingat bahawa apa yang kita terima daripada masyarakat kita perlu kembalikan kepada masyarakat, kita perlu ingat bahawa kita hidup dalam masyarakat.

"Perhubungan antara kita dengan rakan-rakan, masyarakat, dengan universiti, pensyarah, perhubungan kita dengan kerajaan juga hendaklah perhubungan yang baik kerana kita hidup dalam konteks itu," katanya.

Dr Mahathir berkata tiada sesiapa sebijak mana sekalipun yang boleh hidup bersendirian tanpa masyarakat.

Kepada para pelajar itu yang mendapat semua A1 dalam sembilan hingga 13 mata pelajaran yang diduduki pada peperiksaan SPM tahun lepas, Perdana Menteri berkata apabila melanjutkan pelajaran ke luar negara suatu hari nanti, mereka mestilah ingat bahawa mereka adalah rakyat Malaysia.

Katanya beliau yakin mereka mempunyai semangat patriotik yang membolehkan mereka sentiasa ingat bahawa mereka adalah rakyat Malaysia dan akan kembali ke tanah air untuk berkhidmat kepada negara.

Perdana Menteri berkata beliau percaya pelajar-pelajar terbaik Malaysia akan menerima tawaran bergaji lumayan untuk bekerja dengan pertubuhan di negara-negara maju sedang Malaysia juga memerlukan mereka.

"Insya-Allah, di sini juga jika kita rajin bekerja kita boleh menjadi seperti negara maju kerana potensi untuk berkembang dan membangun di Malaysia lebih baik disebabkan adanya keamanan dan kestabilan," katanya.

Dr Mahathir berkata tiada sesiapa sebijak mana sekalipun yang boleh hidup bersendirian tanpa masyarakat.

Kepada para pelajar itu yang mendapat semua A1 dalam sembilan hingga 13 mata pelajaran yang diduduki pada peperiksaan SPM tahun lepas, Perdana

Menteri berkata apabila melanjutkan pelajaran ke luar negara suatu hari nanti, mereka mestilah ingat bahawa mereka adalah rakyat Malaysia.

Katanya beliau yakin mereka mempunyai semangat patriotik yang membolehkan mereka sentiasa ingat bahawa mereka adalah rakyat Malaysia dan akan kembali ke tanah air untuk berkhidmat kepada negara.

Perdana Menteri berkata beliau percaya pelajar-pelajar terbaik Malaysia akan menerima tawaran bergaji lumayan untuk bekerja dengan pertubuhan di negara-negara maju sedangkan Malaysia juga memerlukan mereka.

"Insya-Allah, di sini juga jika kita rajin bekerja kita boleh menjadi seperti negara maju kerana potensi untuk berkembang dan membangun di Malaysia lebih baik disebabkan adanya keamanan dan kestabilan," katanya.

Mengenai bilangan lebih 2,000 pelajar mendapat semua A1 dalam SPM, Dr Mahathir berkata ia petanda baik bagi masa depan negara terutama ke arah melahirkan pekerja berpengetahuan dalam pelbagai bidang khususnya teknologi tinggi.

Abdullah pula sebelum itu berharap para pelajar yang diraikan itu dapat terus mengekalkan keunggulan di masa depan untuk tampil sebagai warga yang berbakti kepada negara.

"Bila tiba masa, mereka diharap dapat memainkan peranan istimewa dalam negara melalui ilmu pengetahuan yang dimiliki untuk meletakkan Malaysia setanding dengan mana-mana negara maju sekalipun," katanya.

-- BERNAMA
MNY AHH MAI